



NEGERI JOHOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

---

Jil. 41  
No. 23

6hb November 1997

TAMBAHAN No. 16  
PERUNDANGAN

---

J. P.U. 44.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH  
(PIHAK BERKUASA TEMPATAN PASIR GUDANG) 1995

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-Undang Kecil:

1. Nama, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENGEMUKAAN PELAN-PELAN

3. Pelan-pelan kerja tanah hendaklah dikemukakan dan diperakui.
4. Kewajipan-kewajipan Jurutera.
5. Pelan-pelan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan.
6. Laporan, pelan-pelan dan butir-butir hendaklah dikemukakan.
7. Pelan-pelan boleh dikemukakan secara berasingan.
8. Tata amalan yang berkaitan hendaklah dipatuhi.

## BAHAGIAN III

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNGAN DENGAN KERJA  
TANAH ASAS

9. Kehendak mengenai cerucuk sasak keping keluli.
10. Tanah hendaklah disiasat dan aras mata air hendaklah ditentukan.

## BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNG DENGAN  
KERJA TANAH AM

11. Pokok-pokok tidak boleh ditebang sehingga tapak sedia untuk diusahakan.
12. Kerja tanah melebihi 3.5 meter.
13. Menjalankan kerja tanah secara berperingkat-peringkat.
14. Syarat-syarat boleh dikenakan pada bila-bila masa sebelum kerja boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya.

## BAHAGIAN V

## PELBAGAI

15. Pelan-pelan, spesifikasi lanjut dan sebagainya jika dikehendaki.
16. Fee.
17. Pemeriksaan pelan-pelan.
18. Kesalahan.
19. Pengecualian.

## AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH  
(PIHAK BERKUASA TEMPATAN PASIR GUDANG) 1995

*Aka 133.* PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 70A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang membuat undang-undang kecil yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang) 1995 dan hendaklah berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta Kerajaan*. Nama,  
Pemakaian  
dan mula  
berkuat-  
kuasa.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang.

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— *Tafsiran.*

“Akta” ertinya Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974; *Akta 133.*

“jurutera” ertinya seorang yang didaftarkan sebagai Jurutera profesional di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967; *Akta 136.*

“jurutera kepada Pihak Berkuasa Tempatan” ertinya seseorang jurutera seperti yang di bawah yang diperlukan menjalankan fungsi seorang jurutera seperti yang ditentukan di bawah Undang-Undang Kecil ini:

- (a) jurutera yang diambil sebagai kakitangan tetap kepada Pihak Berkuasa Tempatan;
- (b) jurutera dari sebarang agensi Kerajaan yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Tempatan; dan
- (c) jurutera yang diupah dengan fee oleh Pihak Berkuasa Tempatan;

“kerja tanah” termasuklah apa-apa perbuatan mengorek, merata, menimbul dengan apa-apa bahan, menanam cerucuk, membina asas atau menebang pokok atas mana-mana tanah, atau apa-apa perbuatan lain menyentuh atau mengganggu mana-mana tanah;

“kerja tanah” termasuk pembinaan asas, tingkat bawah tanah, binagalas, cerucuk, batu sendi dan peparit;

“kerja tanah kecil” ertinya mana-mana kerja tanah yang Pihak Berkuasa Tempatan melalui arahan, kecualikan daripada peruntukan Undang-Undang Kecil ini; dan

“Pihak Berkuasa Tempatan” ertinya Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang.

## BAHAGIAN II

## PENGEMUKAAN PELAN-PELAN

3. (1) Pelan-pelan berhubungan dengan kerja tanah yang dikehendaki di bawah seksyen 70A Akta hendaklah dikemukakan dan ditandatangani oleh seorang jurutera dan hendaklah — Pelan-pelan  
kerja tanah  
kemukakan  
dan  
diperakui.

- (a) mengandungi suatu perakuan oleh jurutera menyatakan bahawa spesifikasi dan butir-butir yang terkandung di dalamnya itu adalah betul; dan
- (b) diturunkan tandatangan pengesahan oleh pemunya tanah yang berkenaan itu atau oleh ejennya yang diberi kuasa secara bertulis dan hendaklah mengandungi alamat penuh pemunya itu atau ejen itu, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Pelan-pelan dan spesifikasi yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan boleh dikemukakan semula untuk dipinda atau diubah tetapi dalam hal yang demikian itu kehendak-kehendak di bawah perenggan 1 (a) dan (b) hendaklah terpakai *mutatis mutandis*.

Kewajipan-kewajipan jurutera.

4. (1) Jurutera yang memperakui pelan-pelan di bawah Undang-Undang Kecil 3 hendaklah bertanggungjawab atas perlaksanaan yang sempurna bagi kerja tanah itu dan hendaklah terus bertanggungjawab sedemikian sehingga selesai kerja tanah itu melainkan jika—

(a) dengan persetujuan Pihak Berkuasa Tempatan seorang jurutera lain dilantik untuk mengambilalih; atau

(b) Pihak Berkuasa Tempatan bersetuju jurutera itu menarik diri.

(2) Jika Pihak Berkuasa Tempatan bersetuju menerima penarikan diri seseorang Jurutera di bawah perenggan (1) (b) kerja tanah itu tidak boleh dimulakan atau diteruskan sehingga seorang jurutera lain dilantik untuk mengambilalih.

(3) Jurutera yang memperakui pelan-pelan itu hendaklah menjalankan penyeliaan-penyeliaan dan membuat apa-apa pemeriksaan yang perlu untuk memastikan kerja tanah itu dijalankan mengikut pelan-pelan, spesifikasi arahan-arahan, pindaan-pindaan atau syarat-syarat yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan pada amnya mengikut peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(4) Jurutera yang memperakui pelan-pelan itu hendaklah memberitahu tarikh yang dicadangkan untuk pelaksanaan kerja tanah itu kepada Pihak Berkuasa Tempatan satu minggu sebelum memulakan pelaksanaan.

(5) Jurutera yang memperakui pelan-pelan itu hendaklah dalam masa satu minggu selepas selesai kerja tanah itu memberitahu kepada Pihak Berkuasa Tempatan secara bertulis bahawa kerja tanah itu telah selesai.

(6) Perenggan (1) undang-undang kecil ini tidak boleh ditafsirkan sebagai melepaskan tanggungjawab seseorang daripada peruntukan-peruntukan seksyen 71 Akta.

(7) Bagi maksud undang-undang kecil ini istilah "jurutera yang memperakui pelan-pelan itu" adalah termasuk jurutera yang dilantik untuk mengambilalih.

5. (1) Semua pelan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan atau seberapa banyak salinan seperti mana yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Pelan-pelan  
hendaklah  
dikemukakan  
dalam tiga  
salinan.

(2) Satu set pelan-pelan hendaklah terdiri dari bahan linen atau jenis lain yang tahan lasak dan bersama-sama satu set lain akan disimpan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan set yang ketiga akan dikembalikan kepada orang yang mengemukakan pelan tersebut setelah diluluskan.

(3) Jika pelan-pelan tidak diluluskan, satu set pelan-pelan tersebut hendaklah dikembalikan kepada orang yang mengemukakan pelan-pelan tersebut.

6. (1) Melainkan jika dikecualikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, laporan-laporan, pelan-pelan, spesifikasi dan butir-butir yang berikut hendaklah dikemukakan:

Laporan,  
pelan-pelan  
dan butir-  
butir  
hendaklah  
dikemukakan.

- (a) Laporan penilaian permulaan tapak bersama dengan detail-detail mengenai langkah untuk mengawal hakisan dan pemendakan;
- (b) suatu pelan tapak yang dibuat mengikut skala yang tidak kurang daripada 1 bagi 1000 menunjukkan dengan warna jelas tapak kerja tanah, jalan masuk, alurutama, alurair semulajadi, parit dan tanah-tanah yang bersambungan atau sebahagiannya;
- (c) pelan-pelan pada kontor 1.5 meter menunjukkan tanah di mana kerja tanah itu akan dijalankan dan tanah yang bersambungan dengannya mengikut skala tidak kurang daripada 1 bagi 500;
- (d) pelan-pelan mengikut skala tidak kurang daripada 1 bagi 500 menunjukkan—
  - (i) aras platform untuk bangunan atau bangunan-bangunan;
  - (ii) aras siap jalan;
  - (iii) aras perut parit dan lintasan;
  - (iv) tempat alir keluar saliran;
  - (v) tutupan atau lengongan bagi mana-mana alurutama dan alurair semulajadi atau pemberian-pemberian padanya;

- (vi) apa-apa pengorekan, pemotongan atau penimbusan yang melebihi 2.5 meter dalam atau tinggi;
  - (vii) perlindungan bagi kerja tanah itu daripada hakisan, termasuk perlindungan semasa kerja tanah itu berterusan;
  - (viii) cadangan bagi pengawalan habuk-habuk yang mungkin timbul disebabkan oleh kerja tanah; dan
  - (ix) peruntukan penahan enap, termasuk peruntukan semasa kerja tanah itu berterusan.
- (e) pelan-pelan muka keratan lintang dan bujur tidak kurang daripada 1 bagi 100 bagi skala tegak dan tidak kurang daripada 1 bagi 500 bagi skala datar menunjukkan tanah yang dipunggah bagi kerja tanah itu yang akan dijalankan di tapak itu;
- (f) cara pengorekan, peraturan, penimbasan, cerucuk pelindung atau apa-apa proses teknik bumi yang akan dijalankan;
- (g) jadual bagi kerja tanah dan susunan dalam mana kerja tanah itu akan dijalankan secara berperingkat-peringkat;
- (h)
  - (i) amaun tanah yang hendak dikorek dan tempat di mana tanah yang dikorek hendak diletakkan dan disertakan dengan kelulusan yang diberi oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi memindahkan tanah itu;
  - (ii) amaun tanah yang hendak ditimbus dan kedudukan dari mana tanah untuk penimbasan itu akan didapati dan disertakan dengan kelulusan yang diberi oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi memindahkan tanah itu;
- (i) langkah berjaga-jaga yang diambil bagi melindungi tanah, bangunan, jalan dan lain-lain harta yang bersambungan;
- (j) pelan-pelan yang detail mengikut skala tidak kurang daripada 1 bagi 50 dan spesifikasi bagi cerucuk sasak keping atau lain-lain struktur penahan atau penstabilan cerun yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini.
- (2) Jika relevan, kiraan-kiraan dan segala aras bumi dan kontor yang tersebut dalam Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibuat dengan merujuk kepada data yang diberi oleh Jabatan Ukur Malaysia.

7. Pelan-pelan dan spesifikasi yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 6 boleh, dengan kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan melalui jurutera Pihak Berkuasa Tempatan, dikemukakan secara berasingan tetapi dalam sesuatu hal yang demikian itu perakuan yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 3 hendaklah juga menyertai tiap-tiap satu set pelan dan spesifikasi yang kemudianya:

Pelan-pelan boleh dikemukakan secara berasingan.

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa kerja tanah boleh dimulakan sehingga semua pelan dan spesifikasi yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini telah diluluskan.

8. (1) Di mana jua berkenaan, pelan-pelan spesifikasi dan kiraan-kiraan yang dikemukakan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah mematuhi tata amalan yang berikut—

Tata amalan yang berkaitan hendaklah dipatuhi.

- (a) Penyiasatan tapak — *British Standards Code of Practice 2001*;
- (b) Kerja tanah — *British Standards Code of Practice 2003*;
- (c) Asas tapak — *British Standards Code of Practice 2004*;
- (d) *Civil Engineering Code of Practice No. 2 on Earth Retaining Structures* yang dikeluarkan oleh Institute of Structural Engineers, United Kingdom; dan
- (e) Asas dan binagalas bangunan-bangunan bukan perindustrian yang tidak melebihi 4 tingkat — *British Standards Code of Practice 101*.

- (2) Jika ada dikeluarkan suatu Tata Amalan Piawaian Malaysia yang bersamaan selepas mula berkuatkuasa Undang-Undang Kecil ini maka ia hendaklah menggantikan *British Standards Code of Practice* mengenai hal perkara yang sama dan hendaklah dipatuhi:

Dengan syarat bahawa ia tidak menyentuh pelan-pelan dan spesifikasi yang telah diluluskan di bawah *British Standards Code of Practice* atau kerja tanah yang dijalankan di bawahnya.

### BAHAGIAN III

#### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNG DENGAN KERJA TANAH ASASTAPAK

9. (1) (a) Sisi-sisi bagi segala kerja tanah atas yang melebihi 3.5 meter dalam hendaklah dilindungi dengan cerucuk sasak keping keluli.
- (b) Bagi kerja tanah atas lain yang tidak melebihi 3.5 meter dalam, lain-lain cara perlindungan bagi tebing-tebingnya hendaklah dibina.

Kehendak mengenai cerucuk sasak keping keluli.

(2) Kehendak-kehendak di bawah perenggan (1) (a) dan (b) boleh dilonggarkan, diubah atau dikecualikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan jika Pihak Berkuasa Tempatan berpuas hati dari spesifikasi, rekabentuk-rekabentuk dan kiraan-kiraan yang dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan bahawa suatu cara perlindungan lain adalah sekurang-kurangnya sama berkesan atau lebih baik dan akan memberi perlindungan yang mencukupi bagi harta yang bersambungan atau bahawa lain-lain cara perlindungan itu adalah tidak perlu, mengikut mana yang berkenaan.

Tanah hendaklah disiasat dan aras mata air hendaklah ditentukan.

10. Penyiasatan tanah hendaklah dijalankan dan aras mata air dalam mana-mana kerja tanah hendaklah ditentukan dan jurutera yang mengesahkan pelan-pelan di bawah undang-undang kecil 3 hendaklah mengemukakan laporan-laporan penyiasatan tanah dan hendaklah memperakui bahawa apa-apa perendahan aras mata air tidak akan melibatkan mana-mana struktur, jalan atau harta lain di sekelilingnya.

#### BAHAGIAN IV

##### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNG DENGAN KERJA TANAH AM

Pokok-pokok tidak boleh ditebang sehingga tapak sedia di-usahakan.

Kerja tanah melebihi 3.5 meter.

Menjalankan kerja tanah secara berperingkat-peringkat.

Syarat-syarat boleh dikenakan pada bila-bila masa sebelum kerja boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya.

11. Jika ada pokok-pokok di atas tapak kerja tanah, pokok-pokok itu tidak boleh ditebang atau diterangkan sehingga tapak kerja tanah itu telah sedia untuk diusahakan.

12. (1) Segala kerja tanah yang melebihi 3.5 meter tinggi atau dalam hendaklah dilindungi dengan suatu struktur penahan atau penstabilan cerun melainkan jika dikecualikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

(2) Bagi kerja tanah di mana struktur penahan atau penstabilan cerun kekal adalah dikecualikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan maka hendaklah diadakan struktur-struktur penahan atau penstabilan cerun sementara dalam masa kerja tanah itu berterusan melainkan jika dikecualikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

13. Kerja tanah yang hendak dijalankan hendaklah diperintahkan mengikut susunan yang dikemukakan di bawah undang-undang kecil 6(g) dan tiada kerja tanah boleh dimulakan atau diteruskan ke peringkat yang berikutnya melainkan apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah undang-undang kecil 14 telah dipatuhi dan jurutera yang mengesahkan pelan-pelan itu memperakui secara bertulis bahawa kerja tanah itu tidak mungkin menyebabkan kacauganggu atau kerosakan kepada harta-harta di sekelilingnya.

14. Pihak Berkuasa Tempatan boleh, pada bila-bila masa sebelum sesuatu kerja tanah boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya menghendaki—

(a) disalir dan dilencongkan alurutama dan alurair semulajadi termasuk mengadakan permatang dan pembentung yang cukup;

- (b) bahawa penahan-penahan enap dan lain-lain kemudahan pengawalan pemendakan diadakan dengan cukup serta disenggara dengan sepatutnya;
- (c) bahawa struktur penahan diadakan di mana perlu;
- (d) bahawa cerun-cerun dilindungi dengan cukup bagi mengelakkan hakisan;
- (e) bahawa segala langkah-langkah yang berkesan diambil untuk mengawal habuk-habuk yang mungkin timbul disebabkan oleh kerja tanah;
- (f) bahawa asas jalan dibina dan permukaan jalan itu disendal bagi mengelakkan enap daripada dihanyutkan ke dalam alurair yang sedia ada; dan
- (g) bahawa timbusan-timbusan dipadatkan.

#### BAHAGIAN V

##### PELBAGAI

15. Pihak Berkuasa Tempatan boleh, melalui jurutera Pihak Berkuasa Tempatan jika difikirkan perlu, menghendaki pelan-pelan, spesifikasi dan butir-butir lanjut atau membuat pindaan-pindaan lanjut kepada pelan-pelan itu atau mengenakan syarat-syarat lanjut yang difikirkan patut olehnya dan arahan-arahan, pindaan-pindaan atau syarat-syarat itu hendaklah dipatuhi.

Pelan-pelan  
spesifikasi  
lanjut dan  
rebagainya  
jika di-  
kehendaki.

16. Fee yang kena dibayar oleh orang yang mengemukakan pelan-pelan untuk dipertimbangkan di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah seperti berikut:

- |  |  |
|--|--|
| (i) jika kerja tanah asas tidak melebihi 6 meter di bawah aras tanah yang tinggi sekali dan melibatkan hingga 500 meter padu tanah | RM65.00;   |
| bagi tiap-tiap 100 meter padu tambahan tanah yang terlibat atau sebahagian daripadanya   | RM12.50;   |
| (ii) jika kerja tanah asas melébihi 6 meter di bawah aras tanah yang tinggi sekali   | $\frac{1}{2}$ kali fee yang ditetapkan dalam<br>(i) di atas; |
| (iii) jika kerja tanah asas melebihi 12 meter di bawah aras tanah yang tinggi sekali   | 2 kali fee yang ditetapkan dalam<br>(i) di atas;             |
| (iv) kerja tanah am  | RM250.00 sehektar<br>atau sebahagiannya;                     |

Fee.

- (v) selain daripada fee yang ditetapkan di atas, wang sebanyak RM30.00 hendaklah dibayar bagi tiap-tiap satu kali jurutera Pihak Berkuasa Tempatan atau wakilnya melawat tapak itu untuk pemeriksaan.

**Pemeriksaan pelan-pelan.** 17. (1) Sesuatu pelan yang diluluskan boleh diperiksa di pejabat Pihak Berkuasa Tempatan dengan membayar fee sebanyak enam ringgit.

(2) Dengan kelulusan orang yang mengemukakan pelan-pelan dan dengan membayar fee sebanyak dua puluh empat ringgit bagi tiap-tiap satu pelan, pelan-pelan itu boleh disalin dan dengan membayar fee tambahan sebanyak dua puluh empat ringgit, pelan itu boleh diperakui sebagai salinan yang benar.

**Kesalahan.** 18. Seseorang yang —

- (a) dengan diketahuinya atau dengan cuai mengemukakan pelan-pelan, spesifikasi, kiraan-kiraan atau burtir-butir yang palsu dalam apa-apa butir material; atau
- (b) tanpa sebab yang munasabah tidak mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit dan sekiranya ia kesalahan berterusan, denda tambahan tidak lebih daripada satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan ini diteruskan selepas disabitkan.

**Pengecualian.** 19. Undang-Undang Kecil ini tidak terpakai bagi—

- (a) kerja tanah yang dijalankan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan lombong;
- (b) kerja tanah yang dijalankan bagi maksud pertanian;
- (c) kerja tanah kecil; dan
- (d) kerja tanah yang dimulakan atau dijalankan oleh atau bagi pihak Kerajaan Malaysia atau sesuatu Kerajaan Negeri.

Dibuat pada 22hb September 1995.

[PBTPG: E/17/1/99 Jld. 5; PUNJ. 121A (UK), Jld. 3]

*Yang Dipertua,  
Pihak Berkuasa Tempatan,  
Pasir Gudang*

Disahkan pada 6hb April 1996.

[K.T. 24/68/2 Bhg. 2; JMMK.J. Bil: 23 Bhg. 10]

*ABDUL MALICK BIN AWANG,  
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Johor*

## STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT, 1974

EARTHWORKS (PASIR GUDANG LOCAL AUTHORITY)  
BY-LAWS 1995

## ARRANGEMENT OF BY-LAWS

## PART I

## PRELIMINARY

## By-Law

1. Citation, commencement and application.
2. Interpretation.

## PART II

## SUBMISSION OF PLANS

3. Plans of earthworks to be submitted and certified.
4. Duties of engineer.
5. Plans to be in triplicate.
6. Reports, plans and particulars to be submitted.
7. Plans may be submitted separately.
8. Relevant codes of practice to be complied with.

## PART III

## SPECIAL PROVISIONS RELATING TO FOUNDATION EARTHWORKS

9. Requirement of close steel sheet piling.
10. Soil to be investigated and water table to be determined.

## PART IV

## PROVISIONS RELATING TO GENERAL EARTHWORKS

11. Trees not to be cut until site is to be worked.
12. Earthworks exceeding 3.5 metres.
13. Phasing of earthworks.
14. Conditions may be imposed at any time before work can continue to the next phase.

## PART V

## MISCELLANEOUS

15. Further plans, specifications etc, if required.
16. Fee.
17. Inspection of plans.
18. Offences.
19. Exemptions.

**STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT, 1974  
EARTHWORKS (PASIR GUDANG LOCAL AUTHORITY)  
BY-LAWS 1995**

*Act 133.* IN exercise of the powers conferred by section 70A of the Street, Drainage and Building Act 1974, the Pasir Gudang Local Authority makes the following by-laws:

## PART I

## PRELIMINARY

Citation,  
commencement  
and application.

1. (1) These by-laws may be cited as the Earthworks (Pasir Gudang Local Authority) By-Laws, 1995 and shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpre-  
tation.

(2) These By-laws shall apply only to the area of Pasir Gudang Local Authority;

*Act 133.*

"Act" means the Street, Drainage and Building Act 1974;

"Local Authority" means the Pasir Gudang Local Authority;

"earthworks" includes any act of excavation, levelling, filling with any material, piling, the construction of foundations, or felling of trees on any land, or any other act of dealing with or disturbing any land;

*Act 138.*

"engineer" means a person who is registered as a professional engineer under the Registration of Engineers Act 1967;

"engineer to the Local Authority" means any engineer as outlined below who is required to perform the function of an engineer as specified under these By-laws —

(a) engineer employed as a permanent employee of the Local Authority;

(b) engineer from any Government agency appointed by the Local Authority; and

(c) engineer engaged by the Local Authority for a fee;

"foundation earthworks" includes the construction of foundation, basement, substructure, piling, underpinning and trenching;

"minor earthworks" means any earthworks which the Local Authority by direction exempts from the provisions of these By-laws.

## PART II

### SUBMISSION OF PLANS

3. (1) Plans relating to earthworks required to be submitted under section 70A of the Act shall be submitted and signed by an engineer and shall —

Plan of  
earthworks  
to be  
submitted  
and  
certified.

(a) Contain a certification by the engineer that the specifications and particulars stated therein are correct; and

(b) be countersigned by the owner of the land concerned or his agent authorised in writing and shall bear the full address of the owner or the agent as the case may be.

(2) The plans and specifications approved by the Local Authority may be resubmitted for amendment, variation or alteration but in such a case the requirements under paragraph 1 (a) and (b) shall apply *mutatis mutandis*.

4. (1) The engineer certifying the plans under by-laws 3 shall be responsible for the proper execution of the earthworks and shall continue to be responsible until the completion of the earthworks unless —

Duties of  
engineer.

(a) with the agreement of the Local Authority, another engineer is appointed to take over; or

(b) the Local Authority agrees to accept his withdrawal.

(2) Where the Local Authority agrees to accept an engineer's withdrawal under paragraph 1(b) the earthworks shall not commence or continue until another engineer is appointed to take over.

(3) The engineer certifying the plans shall give supervision and make such inspections as may be necessary to ensure that the earthworks are carried out in accordance with the plans, specification, directions, amendment or conditions imposed by the Local Authority and generally comply with the provisions of these By-laws.

(4) The engineer certifying the plans shall notify the proposed date of commencement of the earthworks to the Local Authority one week before the commencement.

(5) The engineer certifying the plans shall, within one week of the completion of the earthworks, notify the Local Authority in writing of the completion.

(6) Paragraph (1) of this by-law shall not be construed as to relieve the responsibility of any person from the provisions of section 71 of the Act.

(7) For the purpose of this by-law, the term 'engineer certifying the plans' shall include any engineer appointed to take over.

*Plans to be in triplicate.* 5. (1) All plans shall be submitted in triplicate or in as many copies as may be required by the Local Authority.

(2) One set of the plans shall be on linen or other equally wear resistant and durable material which, together with one other set shall be retained by the Local Authority and the third set shall be returned to the person submitting the plans after approval.

(3) If the plans are disapproved, one set of such plans shall be returned to the person submitting the plans.

*Reports, plans and particulars to be submitted.*

6. (1) Unless exempted by the Local Authority the following reports, plans, specifications and particulars shall be submitted —

- (a) a preliminary site evaluation report together with details of erosion and sediment control measures;
- (b) a site plan drawn to a scale of not less than 1 to 1000 showing in clear colour the site of the earthworks, road access, mainstreams, natural water courses, drains and adjoining lands or part thereof;
- (c) plans at 1.5 metres contours showing both existing grounds on which the earthworks are to be carried out and adjoining lands to a scale of not less than 1 to 500;
- (d) plans to a scale of not less than 1 to 500 showing —
  - (i) platform levels for the building or buildings;
  - (ii) finished road levels;
  - (iii) drains invert levels and crossing;
  - (iv) points of discharge of drainage;
  - (v) closure or deviation of any mainstreams and natural water courses or improvements thereto;

- (vi) any excavation, cutting or filling exceeding 2.5 metres in depth or height;
  - (vii) protection to the earthworks against erosion, including protection during the continuance of the earthworks;
  - (viii) proposal for the control of dust which may arise as a result of the earthworks, and
  - (ix) provision of silt traps, including provision during the continuance of the earthworks.
- (e) longitudinal and cross-sectional plans of not less than 1 to 100 for the vertical scale and of not less than 1 to 500 for the horizontal scale showing the mass haul of the earthworks to be carried out on the site;
- (f) the method of excavation, levelling, filling, protective piling or any other geotechnical processes to be carried out;
- (g) schedule of the earthworks and the order in which the earthworks are to be phased;
- (h) (i) the amount of earth to be excavated and the place where such excavated earth is to be deposited and accompanied with approval by the relevant authority to move such earth;
- (ii) the amount of earth to be filled and the location from which the earth for filling is to be obtained and accompanied with approval by the relevant authority to move such earth;
- (i) the precautions taken to protect the adjoining lands, buildings, roads and other properties; and
- (j) detailed plans to a scale of not less than 1 to 50 and specifications of any close sheet piling or other retaining structure or stabilization of slope required under these By-laws.

(2) Where relevant, the calculations and all ground levels and contours referred to in this By-Law shall be drawn with reference to the relevant Government Survey Department datum.

7. The plans and specifications required under by-law 6 may, with the permission of the Local Authority through the engineer to the Local Authority, be submitted separately but in such a case the certification required under by-law 3 shall also accompany each subsequent set of plans and specifications:

Provided that no earthworks shall commence until all the plans and specifications required under these By-laws have been approved.

Plans may  
be  
submitted  
separately.

Relevant codes of practice to be complied with.

8. (1) Wherever applicable the plans, specifications and calculations submitted under these By-laws shall comply with the following codes of practice —

- (a) Site Investigation — *British Standards Code of Practice 2001*;
- (b) Earthworks — *British Standards Code of Practice 2003*;
- (c) Foundation — *British Standards Code of Practice 2004*;
- (d) *Civil Engineering Code of Practice No. 2 on Earth Retaining Structures*, issued by the Institute of Structural Engineers, United Kingdom; and
- (e) Foundation and substructures for non-industrial buildings of not more than 4 storeys — *British Standards Code of Practice 101*.

(2) Where there is issued a corresponding Malaysian Standards Code of Practice after the coming into force of these By-laws the same shall supersede the British Standards Code of Practice on the same subject matter and shall be complied with:

Provided that this shall not affect plans and specifications already approved under the British Standards Code of Practice on earthworks carried out thereunder.

### PART III

#### SPECIAL PROVISIONS RELATING TO FOUNDATION EARTHWORKS

Requirement of close steel sheet piling.

9. (1) (a) The sides of all foundation earthworks exceeding 3.5 metres in depth shall be protected by close steel sheet piling.
- (b) In other cases not exceeding 3.5 metres in depth other alternative methods of protection to the banks shall be erected.

(2) The requirements under paragraph 1 (a) and (b) may be relaxed, varied or exempted by the Local Authority on being satisfied from specifications, designs and calculations submitted to the Local Authority that an alternative method of protection is at least as effective or better and will give adequate protection to adjoining properties or that they are unnecessary, as the case may be.

Soil to be investigated and water table to be determined.

10. Soil investigation shall be carried out and the depth of water table in any foundation earthworks shall be determined and the engineer certifying the plans under by-law 3 shall submit the soil investigation reports and shall certify that any lowering of water table will not affect any surrounding structures, roadways or any other properties.

## PART IV

## PROVISIONS RELATING TO GENERAL EARTHWORKS

11. Where there are trees on the earthworks site, the same shall not be cut or cleared until the earthworks site is ready to be worked. Trees not to be cut until site is to be worked.
12. (1) All earthworks exceeding 3.5 metres in height or depth shall, unless exempted by the Local Authority be protected by a retaining structure or stabilization of slopes. Earthworks exceeding 3.5 metres.
- (2) In earthworks where permanent retaining structure or stabilization of slopes are exempted by the Local Authority there shall, unless exempted by the Local Authority be provided temporary retaining structures or stabilization of slopes during the continuance of such earthworks.
13. Earthworks to be carried out shall be phased in the order submitted under by-law 6 (g) and no earthworks shall commence or continue to the next phase unless any conditions imposed by the Local Authority under by-law 14 has been complied with and the engineer certifying the plans certifies in writing that the earthworks are not likely to cause nuisance or damage to the surrounding properties. Phasing of earthworks.
14. The Local Authority may at any time before any earthworks may be continued to the next phase require —
- (a) the drainage and deviation of mainstream and natural water courses, including provisions of adequate bunds and culverts; Conditions may be imposed at any time before work can continue to the next phase.
  - (b) that silt traps and other sediment control facilities are adequately provided and properly maintained;
  - (c) that retaining structures, where necessary, are provided;
  - (d) that slopes are adequately protected against erosion;
  - (e) that all practical measures are taken to control any dust which may arise as a result of the earthworks;
  - (f) that foundation of the road is laid and the surface of such road is sealed so as to prevent silt being washed into existing watercourses; and
  - (g) that fills are compacted.

## PART V

## MISCELLANEOUS

15. The Local Authority through the engineer to the Local Authority may, where it considers it necessary, require further plans, specifications and particulars to be submitted or give further directions. Further plans specifications etc. if required.

or make further amendments to the plans or impose further conditions as it deems fit and such directions, amendments or conditions shall be complied with.

**Fees.**

16. The fees to be paid by the person submitting plans for consideration under these By-laws shall be as follows:

- |       |  |   |
|-------|--|---|
| (i)   | where foundation earthworks do not exceed 6 metres below the highest ground level and involving up to 500 cubic metres of earth<br><br>for every additional 100 cubic metres of earth or part thereof involved | RM65.00;<br><br>RM12.50;                              |
| (ii)  | where the foundation earthworks exceeds 6 metres below the highest ground level  | $1\frac{1}{2}$ times the fee prescribed in (i) above; |
| (iii) | Where the foundation earthworks exceeds 12 metres below the highest ground level   | 2 times the fee prescribed in (i) above;              |
| (iv)  | general earthworks   | RM250.00 per hectare or part thereof;                 |
| (v)   | in addition to the fees prescribed above there shall be paid a sum of RM30.00 per visit to the site for inspection made by the engineer to the Local Authority or his representative.                          |   |

**Inspection of plans.**

17. (1) An approved plan may on payment of a fee of six ringgit be inspected in the office of the Local Authority.

(2) With the approval of the person submitting the plans and a payment of a fee of twenty four ringgit for each plan, the plans may be copied and for an additional fee of twenty four ringgit be certified true copy.

**Offences.**

18. Any person who —

- (a) knowingly or negligently submits plans, specifications, calculations or particulars which are false in any material particular; or
- (b) without reasonable excuse fails to comply with any provisions of these By-laws;

shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit and shall also be liable to a further fine, not exceeding one hundred ringgit for every day during which the offence is continued after the conviction.

## 19. These By-laws shall not apply to—

Exemptions.

- (a) earthworks carried out under any written law relating to mines;
- (b) earthworks carried out for agricultural purposes;
- (c) minor earthworks; and
- (d) earthworks commenced or carried out by or on behalf of the Government of Malaysia or a State Government.

Made the 22nd September 1995.

[PBTPG: E/17/1/99 Jld. 5; PUNJ. 121A (UK) Jld. 3]

*President,  
Pasir Gudang Local Authority*

Confirmed the 6th April 1996.

[K.T. 24/68/2 Bhg. 2; JMMK.J. Bil: 23 Bhg. 10]

*ABDUL MALICK BIN AWANG,  
Clerk of the State Executive Council,  
Johor*



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN JOHOR BAHRU  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA